

DATE: 29 JULY 2013
PUBLICATION: BERITA HARIAN
SECTION: BUSINESS
HEADLINE: SONA PETROLEUM TAK BENAR JUAL SAHAM SETAHUN
CATEGORY: COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 251.26 CM²

Sona Petroleum tak benar jual saham setahun

Sona Petroleum Bhd, syarikat tujuan khas pengambilalihan (SPAC) ketiga yang akan disenaraikan di Bursa Malaysia, meletakkan penanda aras baru dengan tidak membenarkan penganjuranya menjual saham dalam tempoh setahun, bertujuan memberi lebih perlindungan kepada kepentingan pemegang saham minoriti.

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Hadian Hashim (**gambar**), berkata moratorium yang dikenakan ke atas saham yang dipegang penganjur Sona Petroleum adalah yang paling ketat di kalangan SPAC Malaysia setakat ini.

Kriteria ketat

Beliau berkata, selain melindungi kepentingan pemegang saham minoriti, kriteria ketat itu juga bertujuan meningkatkan keyakinan umum berhubung pengurusan dan perbelanjaan dana RM550 juta dijana daripada tawaran awam permulaan (IPO) syarikat, iaitu yang terbesar bagi SPAC di Bursa Malaysia setakat ini.

"Bagi menyelaraskan kepentingan antara pelabur dan pihak pengurusan secara lebih tinggi, pasukan pengurusan Sona Petroleum harus, secara keseluruhan, memiliki sekurang-kurangnya 10 peratus kepentingan dalam SPAC pada masa IPO.

Hanya enam syarikat dibenar berurus niaga saham

"Pasca IPO, kepentingan mereka tidak dibenarkan dijual, dipindahkan atau diserah hak sehinggalah syarikat itu menjana satu tahun pendapatan diaudit daripada pengeluaran komersial aset yang diambilalih itu," katanya kepada *BH*.

Moratorium itu bagaimanapun tidak dikenakan ke atas enam pelabur utamanya, sekali gus memberi mereka ruang untuk berurus niaga saham syarikat itu.

Enam pelabur utama itu ialah Hong Leong Asset Management Bhd, Segantii Capital, Davidson Kempner European Partners, CIMB-Principal Asset Management Bhd, Kenanga Investors Bhd dan RHB Investment Management Sdn Bhd.

Letak 90 peratus dana dalam akaun amanah

● Dari muka B1

SPAC adalah syarikat yang tidak mempunyai operasi atau perniagaan yang menajana pendapatan ketika menawarkan IPO, namun melaksanakannya untuk mengumpul dana bagi mengambil alih operasi syarikat atau aset lain.

Hadian berkata, sebuah SPAC diwajibkan meletakkan sekurang-kurangnya 90 peratus daripada dana yang dijana daripada IPO ke dalam akaun amanah yang diuruskan pemegang amanah bebas.

"Dana dibolehkan dilaburkan dalam sekuriti diterbitkan kerajaan Malaysia, instrumen pasaran wang dan kertas dengan penarafan AAA, sebelum ia dimanfaatkan bagi sebarang pengambilalihan," katanya.

Sona Petroleum membuat tawaran awam permulaan (IPO) membabitkan penerbitan sehingga 1.1 bilion saham biasa baru bernilai satu sen seunit pada harga tawaran 50 sen seunit.

Ia juga menerbitkan sehingga 1.1 bilion waran boleh cerai yang diberikan percuma pada asas satu waran bagi setiap saham IPO dilangan.

Syarikat itu menyasarkan menajana sehingga RM550 juta daripada IPO itu, yang mana 90 peratus daripadanya akan digunakan untuk pembelian aset.

